

13/02/1999

G15 sokong langkah kawalan modal

Azizi Othman in Montego Bay (Jamaica)

MONTEGO BAY (Jamaica), Jumaat - Negara Kumpulan 15 (G15) menyokong langkah kawalan modal yang dilaksanakan Malaysia yang disifatkan boleh dijadikan modul untuk memperkukuhkan kestabilan ekonomi negara membangun.

Sehubungan itu, beberapa anggota G15 yang sedar negara membangun kini semakin terdedah kepada risiko krisis kewangan, menyuarakan minat mendalam langkah kawalan modal yang dilaksanakan Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata banyak pihak bertanya mengenai langkah kawalan kewangan dilaksanakan Malaysia dan bagaimana ia dapat membantu melindungi ekonomi mereka.

"Satu daripadanya ialah Senegal dan untuk membantunya mendapat penjelasan mengenai langkah kawalan kewangan terbabit, Malaysia akan menghantar seorang pakar ke sana," kata Dr Mahathir ketika diminta mengulas reaksi anggota G15 terhadap langkah yang diambil Malaysia itu.

Minat anggota G15 untuk mengetahui perkara itu menyebabkan Malaysia diberi peluang menjelaskannya pada satu sidang pleno di Sidang Kemuncak G15 yang berlangsung di sini, semalam.

Pada sidang akhbar di sini hari ini, Dr Mahathir berkata, selepas sidang pleno itu, Presiden Senegal, Abdou Diouf, menyatakan minatnya untuk mengetahui lebih mendalam mengenai bagaimana Malaysia menguruskan kawalan modal.

"Bagaimanapun, oleh kerana saya tidak sempat untuk memberi penjelasan penuhnya, dia bersetuju supaya kita menghantar seorang pakar untuk memberi taklimat terperinci kepadanya," katanya.

Perdana Menteri berkata, pada sidang pleno yang diadakan itu, semua delegasi sebenarnya sudah diberikan satu set dokumen untuk memberi penjelasan mengenai langkah kawalan modal yang dibuat oleh Malaysia.

"Bagaimanapun, masalahnya ialah apa yang kita lakukan (kawalan modal) itu agak kompleks dan ia memerlukan masa yang panjang untuk dijelaskan sepenuhnya supaya difahami," katanya.

Menurut Dr Mahathir, pagi ini beliau sekali lagi ditanya oleh Presiden Senegal dan masih tidak sempat memberi jawapan kerana pihak lain membincangkan perkara lain.

"Bagaimanapun, beliau (Abdou Diouf) tetap mahu kita menjelaskan perkara itu. Sebab itu saya beri pengakuan bahawa kita akan menghantar seorang pakar untuk memberi taklimat terperinci kepada mereka," katanya.

Perkembangan itu dilihat sebagai pengiktirafan kepada langkah kawalan modal yang dilaksanakan oleh Malaysia dan ia juga membayangkan negara membangun lain tidak akan teragak-agak mengambil langkah serupa jika perlu.

Dr Mahathir juga memberitahu, selain Senegal, banyak lagi pemimpin dan pegawai dari negara G15 lain yang bertanya mengenai langkah kawalan kewangan itu.

Perkembangan terbabit sebenarnya tidak mengejutkan kerana pada sidang kemuncak G15 di sini kali ini, tumpuan utama perbincangan ialah mengenai masalah ekonomi dan kewangan.

"Mereka memberi perhatian serius terhadap pengalaman dan pendirian Malaysia berhubung masalah itu kerana sedar mengenainya dan berpendapat kegawatan ekonomi mungkin atau sudahpun menimpa mereka," katanya.

Sidang kemuncak G15 kesembilan tahun ini, yang mempertemukan lapan ketua negara dan tiga timbalan ketua negara dari badan itu, bermula semalam dan akan berakhir esok. Selain Dr Mahathir yang tiba Selasa lalu, delegasi

Malaysia turut di sertai Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Hari ini, ketua delegasi dari 17 negara membangun yang menganggotai G-15, mengadakan perjumpaan istirehat sebelum menghadiri sesi sidang pleno kedua dan majlis penutup sidang kemuncak itu, esok.

Mengulas pencapaian Malaysia yang lain dalam sidang kemuncak kali ini, Perdana Menteri berkata, G-15 juga menyokong penuh saranan Malaysia supaya tata cara sistem kewangan dunia diperbaiki.

"Saya dapati mereka berpendirian tegas dalam isu sistem kewangan antarabangsa dan setuju supaya G-15 memainkan peranan dalam pembentukan seni bina sistem kewangan baru.

"Mereka juga berpendapat negara membangun harus diberi peluang mempengaruhi sistem kewangan antarabangsa serta menyatakan bahawa ia perlu mempunyai unsur kawalan," katanya.

Dr Mahathir, berkata, beliau puas hati dengan semangat G-15 kali ini terutama mengenai hasrat supaya sebarang usaha membentuk sistem kewangan antarabangsa baru perlu dibuat dengan mengambil kira pandangan mereka.

"G-15 juga kini mahu tentukan pendapat mereka didengar oleh semua pihak dan mereka tidak setuju jika seni bina kewangan antarabangsa baru ini hanya dibentuk Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia," katanya.

(END)